

## *Meningkatkan Kandungan Perbualan dalam Kemahiran Lisan*

**Fikir Amin Md Said**

fikir\_amin\_md\_said@moe.edu.sg

**Siti Maskinah Muzakir**

siti\_maskinah\_muzakir@moe.edu.sg

Sekolah Rendah First Toa Payoh

### *Abstrak*

Profil murid di sekolah rendah telah berubah. Ini memberikan cabaran bagi guru untuk menjadikan pengajaran bahasa Melayu menarik dan relevan kepada murid. Perubahan perlu dilakukan pada pengajaran dan pembelajaran selaras dengan kecenderungan murid. Perubahan ini perlu ditangani agar pembelajaran Bahasa Melayu kekal menarik dan relevan. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana kandungan perbualan murid dapat ditingkatkan melalui pelajaran lisan. Untuk mencapai tujuan ini, satu perisian atau aplikasi yang dikenali sebagai *Linoit* akan digunakan. Aplikasi *Linoit* yang bersifat interaktif ini digunakan untuk menyokong dan meningkatkan kemahiran lisan murid disamping menggalakkan pembelajaran kendiri. Kajian ini hanya melibatkan murid darjah enam sahaja. Melalui dapatan kajian yang berdasarkan maklum balas dan kerja latihan murid, murid berasa seronok belajar menggunakan *Linoit*. Pada masa yang sama, peningkatan dalam kandungan perbualan murid juga meningkat.

Kata Kunci: perbualan lisan, interaktif, profil murid, perubahan, *Linoit*



## PENGENALAN

Berlatarkan landskap pendidikan yang sentiasa berubah, pelbagai cabaran harus ditangani guru untuk mengharungi cabaran pendidikan abad ke-21. Guru berperanan membantu murid memperoleh dan menggunakan kemahiran abad ke-21. Bahasa Ibunda adalah wahana penting untuk membangunkan kemahiran komunikasi, kerjasama dan kemahiran maklumat. Kemahiran ini pula perlu diasah dalam persekitaran ICT yang baik. Dalam hal ini, aplikasi *Linoit* mampu memberikan ruang untuk murid memanfaatkan pemikiran kreatif dan kritis. Pada masa yang sama, murid diberikan peluang untuk melaksanakan tugas secara kendiri dalam membina pengetahuan. Aplikasi *Linoit* ini bertindak sebagai pemangkin untuk mencapai objektif pembelajaran dalam bilik darjah. Murid yang menggunakan aplikasi *Linoit* ini, dapat menggabungkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis serta memperkuat penguasaan bahasa mereka.

## PERNYATAAN MASALAH

Tinjauan awal yang dilakukan mendapati murid masih belum dilatih berfikir secara kritis. Malah murid juga didapati mempunyai masalah untuk bertutur dengan baik. Murid tidak mampu menceritakan berdasarkan gambar yang mereka lihat. Kelemahan ini telah menimbulkan keprihatinan akan kelakonan murid secara keseluruhan. Situasi ini jika tidak diperbetulkan boleh menghambat untuk murid bertutur dengan yakin dan ini pasti akan menjelas markah dalam komponen lisan dan menjelas markah bahasa mereka secara keseluruhannya. Tinjauan lanjut yang dijalankan oleh guru menunjukkan murid tidak mampu meningkatkan isi kandungan dalam perbualan mereka berdasarkan gambar. Murid tidak mampu menjana idea yang berkesan.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. meningkatkan isi kandungan dalam perbualan lisan murid;
2. melihat keberkesanan penggunaan perisian aplikasi *Linoit*; dan
3. menggalakkan kolaborasi murid dengan menggunakan ICT.



## KAJIAN LEPAS

John-Harmen Valk, (2010) seorang pensyarah dari IDRC Kanada menjalankan penyelidikan mengenai sejauh mana penggunaan telefon mudah alih untuk membantu meningkatkan mutu pendidikan. Dalam kajian yang bertajuk ‘Menggunakan Telefon Bimbit untuk Meningkatkan Hasil Pendidikan: Satu Analisis Bukti daripada Asia’, beliau menyatakan bahawa teknologi moden menawarkan mod baru penyampaian dan biasanya mengubah proses pengajaran dan pembelajaran.

Naveen K Mehta, (2012), dalam kajian yang bertajuk ‘*Mobile Phone Teknologi dalam Pengajaran Bahasa Inggeris: Menyebabkan Kebimbangan iklan*’, menekankan bahawa teknologi mudah alih telah memberikan sumbangan yang besar dalam arena pembelajaran. Pertama, pembelajaran mudah alih membolehkan pelajar untuk meningkatkan kemahiran literasi dan mengiktiraf kebolehan mereka. Kedua, ia boleh digunakan untuk meningkatkan kedua-dua pengalaman pembelajaran bebas dan usaha sama.

Kukulska-Hulme, (2006), juga menyatakan bahawa pembelajaran mudah alih berjanji untuk menyampaikan integrasi rapat pembelajaran bahasa dengan keperluan komunikasi sehari-hari dan pengalaman budaya. Peranti mudah alih boleh digunakan untuk pembelajaran di rumah, di dalam kelas, di ruang sosial, pada lawatan lapangan, dalam muzium dan galeri seni, dalam konteks kerja atau sebagai sebahagian daripada pembelajaran setiap hari.

## KAEDAH KAJIAN

### Subjek Kajian

Semua murid Darjah 6 yang mengambil bahasa Melayu Standard. Jumlah murid seramai 63 orang.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan seperti yang berikut:



1. Kanvas *Linoit* murid-murid
2. Rakaman video murid-murid
3. Penilaian rakan sebaya
4. Rakaman video murid-murid
5. Markah komponen perbualan dalam peperiksaan SA

#### Prosedur Kajian

Dalam Fasa 1, guru memberikan penerangan kepada murid-murid cara menggunakan *Linoit*. Murid perlu mendaftar untuk mendapatkan akaun percuma *Linoit* secara individu. Guru mencipta nama kumpulan dan menjemput murid yang telah mendaftar untuk menjadi anggota kumpulan ini. Langkah ini penting agar murid yang telah menjadi anggota kumpulan tersebut dapat melihat kanvas masing-masing.

Rajah 1: Perisian *Linoit*



Lisan bahagian	Manusia zaman	Penggunaan	Peribahasa
C	prasejarah	Kod QR	

Updated Canvases What's new!

All My Group Favorite

Gambar-qambar sesi Linoit  
at MLP6\_2014 1 weeks ago

Bhq C\_Lisan\_22/04  
at P5ML1\_2014 Apr 21

Pengunaan Kod QR  
by Feccay Junis

P5ML2 lisan\_22/04  
at P5ML2014 Apr 21

More... More... More...

My Groups

MLP6\_2014

P5ML1\_2014

P5ML2014




Dalam Fasa 2 sebanyak enam sesi semuanya, guru mencipta kanvas baharu. Kanvas ini merupakan ruang yang terdapat dalam aplikasi *Linoit* dan memuat naik gambar untuk perbincangan lisan. Setiap ketua kumpulan akan mencipta kanvas ahli kumpulan mereka untuk menyediakan ruang perbincangan. Setiap kumpulan mengadakan perbincangan berdasarkan gambar dengan menggunakan ruang *Linoit*.

Bagi setiap sesi, murid dapat mengakses kanvas kumpulan dan murid perlu memberikan maklum balas bertulis melalui aplikasi *Linoit*. Setiap murid akan menulis pada kanvas yang berdasarkan gambar yang diberikan. Mereka bekerja secara individu di peringkat awal. Setelah mereka selesai penulisan mereka pada kanvas, rakan mereka memberi komen tentang kerja mereka. Sebelum pengajaran berakhir, guru bertindak sebagai pemudah cara dengan memantau komen murid.

Murid digalakkan untuk berfikir secara kreatif sebelum menjawab soalan berdasarkan gambar yang dimuat naik. Selepas selesai tugas, jawapan yang diberikan akan telah dinilai dan dianalisis di kalangan pelajar. Pelajar dari kumpulan yang berlainan bekerja bersama-sama.

Rajah 2: Contoh Kanvas Kumpulan P6 ML



Dalam fasa akhir, murid akan menggunakan peranti iPad untuk merakamkan kandungan yang terdapat dalam gambar mereka. Pada peringkat ini, murid bekerja secara berpasangan. Setiap pasangan telah diberi peranti iPad. Murid A mencatatkan penerangan murid B dan sebaliknya. Peringkat ini, mereka melakukan penilaian rakan sebaya berdasarkan rubrik yang diberikan. Rubrik yang diberikan juga telah dipermudahkan untuk memudahkan kegunaan murid.

Jadual 1: Penilaian Rakan Sebaya

Isi	Padat dan sesuai			
Respons	Mampu menerangkan gambar dengan amat jelas dan lancar dan yakin			
	Mampu mengembangkan idea dengan baik			

## KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada akhir sesi, guru meminta semua murid untuk mengisi borang maklum balas bagi melakukan kaji selidik yang lain:

Jadual 2: Pratinjauan Penggunaan *Linoit* Kelas P6ML1

No	Item	Ya
1.	Saya pernah menggunakan aplikasi di telefon bimbit, iPad.	80%
2.	Saya mahu menggunakan komputer, komputer riba, iPad atau telefon bijak.	77%
3.	Saya rasa seronok ketika belajar.	100%
4.	Saya pernah mendengar tentang <i>Linoit</i> .	0%
5.	Saya suka belajar dalam kumpulan.	92.5%



Jadual 3: Pratinjauan Penggunaan *Linoit* Kelas P6ML2

No	Item	Ya
1.	Saya pernah menggunakan aplikasi di telefon bimbit, iPad.	95%
2.	Saya mahu menggunakan komputer, komputer riba, iPad atau telefon bijak.	95%
3.	Saya rasa seronok ketika belajar.	100%
4.	Saya pernah mendengar tentang <i>Linoit</i> .	0%
5.	Saya suka belajar dalam kumpulan.	90%

Jadual 4: Pratinjauan Penggunaan *Linoit* Kelas P6ML3

No	Item	Ya
1.	Saya pernah menggunakan aplikasi di telefon bimbit, iPad.	75%
2.	Saya mahu menggunakan komputer, komputer riba, iPad atau telefon bijak.	87.5%
3.	Saya rasa seronok ketika belajar.	81.25%
4.	Saya pernah mendengar tentang <i>Linoit</i> .	0%
5.	Saya suka belajar dalam kumpulan.	68.75%

Kajian ini telah menyerlahkan beberapa dapatan menarik. Antaranya murid dapat:

1. memberi maklum balas yang positif terhadap penggunaan *Linoit*. Mereka berpendapat penggunaan aplikasi *Linoit* adalah menarik dan menyeronokkan.
2. memperbaik penguasaan tatabahasa. Mereka tahu cara untuk menggunakan ‘Pada Pendapat Saya ...’
3. membantu rakan-rakan sekelas rakan-rakan mereka yang memerlukan bantuan.
4. menggunakan aplikasi *Linoit* dengan cekap



5. memuat naik jawapan mereka dengan penuh keyakinan biarpun mereka sedar orang lain boleh melihat jawapan mereka.
6. berlatih menyunting pembinaan ayat-ayat dan tatabahasa dalam kanvas dan pada masa yang sama kegiatan ini dapat dijadikan sebagai satu latihan.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kajian ini dapat memperlihatkan bagai mana murid dapat meningkatkan isi kandungan dalam perbualan lisan dengan menggunakan aplikasi *Linoit*. Di samping itu murid yang terlibat dalam kajian ini terlibat aktif dalam proses pembelajaran. Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa pembelajaran tidak hanya terhad kepada buku teks sahaja. Pembelajaran Bahasa Ibunda dapat dilaksanakan dengan lebih menarik dengan penggunaan perisian atau aplikasi *Linoit*. Murid mampu menyelesaikan tugasan yang diberikan dengan baik. Tugasan yang dilakukan dapat diselesaikan secara bekerjasama dan dengan penuh keyakinan.



## **RUJUKAN**

- Corder, Nicholas, (2008). *Learning to Teach Adults: An Introduction*. London and New York: Routledge.
- Hewitt Des (2008). *Understanding Effective Learning*. Berkshire: Open University Press.
- John-Harmen Valk (2010). Using Mobile Phones to Improve Educational Outcomes: An Analysis of Evidence from Asia *International Review of Research in Open Distance Learning*, Volume 11, Number 1. Pan Asia Networking, IDRC, Canada
- Kukulsja-Hulme A. (2006). Mobile language learning now and in the future. In P. Svensson (Ed), *Fran vision till praktik:sprakutbildning och informantions From vision to practice: language learning: language learning and IT* 295-310. Sweden: Swedish Net University (Natuniversitet). Retrieved from <http://oro.open.ac.uk/9542/1/kukulska-hulme.pdf>
- Naveen K Mehta (2012). Mobile Phone Technology in English Teaching: Causes & Concerns MJAL 4:2 Summer 2012 ISSN 0974-8741 extracted from <http://www.mjal.org/removedprofiles/2013/Mobile%20Phone%20Technology.pdf>

## **RUJUKAN INTERNET:**

- <http://www.irrodl.org/index.php/irrodl/article/view/794/1487>  
<http://www.ipedr.com/vol27/6-IC4E%202012-F00009.pdf>  
<http://www.jiscdigitalmedia.ac.uk/guide/mobile-learning-for-education>  
<http://www.mjal.org/Journal/Mobile%20Phone%20Technology.pdf>  
<http://oro.open.ac.uk/9542/1/kukulska-hulme.pdf>

